

Headline **Hilangkan prejudis, kata Rosmah**
Date **13 May 2011**
MediaTitle **New Sabah Times Bahasa (KK)**
Section **Semasa**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **23,655 /**

Language **Malay**
Page No **11**
Article Size **35 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **68**
PRValue **204**



Hilangkan prejudis, kata Rosmah

KUALA LUMPUR: Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor menyeru agar masyarakat menghilangkan prejudis terhadap kanak-kanak dan remaja yang menghidap HIV/AIDS atau yang terjejas akibat jangkitan virus itu.

Beliau berkata sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, mereka boleh membantu mengubah fahaman masyarakat dengan menentang diskriminasi terhadap mereka yang terpaksa hidup dengan HIV.

Katanya semua pihak juga perlu mencekutkan persekitaran yang lebih terjamin terhadap kanak-kanak dan remaja berkenaan dengan memastikan hak mereka dilindungi dan diberikan rawatan serta sokongan yang diperlukan.

"Bagi keluarga yang menghidapi AIDS, mereka bukan hanya perlu menanggung jangkitan berkenaan sahaja, sebaliknya stigma masyarakat sekeliling yang membuatkan mereka berada dalam keadaan tertekan untuk menghadapi masa depan. -Bernama